



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 2006

**PENGURUSAN PENGENDALIAN INSIDEN KESELAMATAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) SEKTOR AWAM**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon : 603-88881957
Faks : 603-88883721

Rujukan Kami : UPTM(S) 159/338/6
Jld. 3 (3)

Tarikh : 9 November 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 2006

**PENGURUSAN PENGENDALIAN INSIDEN KESELAMATAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) SEKTOR AWAM**

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan memperjelaskan pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT bagi sektor awam.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2001 Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan ICT yang berkuatkuasa mulai 4 April 2001 menjelaskan mekanisme pelaporan insiden keselamatan ICT di sektor awam bagi membolehkan *Government Computer Emergency Response Team* (GCERT) yang berpusat di MAMPU mendapat maklumat untuk menyediakan bantuan teknikal kepada agensi terlibat. Pekeliling ini juga merangkumi tanggungjawab GCERT MAMPU, agensi pelapor serta proses kerja pelaporan insiden keselamatan ICT agensi yang terlibat.

3. Memandangkan serangan siber berpotensi memberi implikasi keselamatan ke atas aset ICT dan sistem penyampaian kerajaan, maka Kerajaan bersetuju supaya mekanisme pelaporan insiden dalam Surat Pekeliling ini diperjelaskan di mana usaha menangani serangan siber ke atas infrastruktur ICT kerajaan perlu ditangani dengan bijak bagi memastikan sistem ICT kerajaan dapat beroperasi dengan baik tanpa gangguan.

PENUBUHAN PASUKAN PENGENDALI INSIDEN PERINGKAT AGENSI

4. Sebagai langkah memperkemaskan pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT, semua agensi yang melaksanakan infrastruktur ICT bagi membolehkan kerajaan berfungsi dan menyediakan perkhidmatan sistem penyampaian, hendaklah menubuhkan pasukan pengendali insiden (CERT) di agensi masing-masing. CERT Agensi akan bertindak sebagai *first level support* kepada GCERT MAMPU dalam mengendalikan insiden keselamatan ICT, mengawasi dan memberi nasihat berkaitan keselamatan ICT kepada agensi-agensi di bawah kawalannya.

PANDUAN PENGURUSAN PENGENDALIAN INSIDEN

5. Bagi menjelaskan pengurusan pengendalian insiden ini, dua (2) dokumen disediakan iaitu Garis Panduan Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT Sektor Awam. Garis Panduan Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT Sektor Awam mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Perihal mengenai Insiden dan Jenis Insiden Keselamatan ICT;
- (b) Tahap Keutamaan Tindakan ke atas Insiden;
- (c) Penubuhan CERT Agensi;
- (d) Tanggungjawab Ketua Jabatan;
- (e) Tanggungjawab CERT Agensi;
- (f) Tanggungjawab Agensi Pelapor;
- (g) Tanggungjawab GCERT MAMPU; dan
- (h) Proses Pelaporan Insiden Keselamatan ICT Sektor Awam

6. Prosedur Operasi Standard pula mengandungi proses terperinci dalam pengendalian insiden keselamatan ICT iaitu:

- (a) Template Borang IRH 1.0 : Laporan Pengendalian Insiden;
- (b) Template Borang IRH 1.1 : Maklumbalas Tindakan Susulan Dari Pengendalian Insiden Keselamatan ICT;
- (c) Panduan Komunikasi Pengendalian Insiden Secara Jarak Jauh; dan
- (d) Template Laporan Analisa Log.

Garis Panduan Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT Sektor Awam adalah masing-masing seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.

MAKLUMAT LANJUT / KHIDMAT NASIHAT

7. Sebarang pertanyaan berkenaan Surat Pekeliling Am ini atau permohonan untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan dengan pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT sektor awam hendaklah ditujukan kepada:

- (a) Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU) , Jabatan Perdana Menteri,
Aras 6, Blok B2
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
[u.p. : *Government Computer Emergency Response Team (GCERT)*]
- (b) Mel Elektronik (E-mel) : gcert@mampu.gov.my
- (c) Telefon : 012-3312205
- (d) Nombor faksimili : 03-88883286


PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUATKUASA

14. Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN)

Ketua Setiausaha Negara

(Lampiran 1 kepada
Surat Pekeliling Am
Bil. 4 Tahun 2006)



KERAJAAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN PENGENDALIAN INSIDEN
KESELAMATAN ICT
SEKTOR AWAM**



Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

6 NOVEMBER 2006

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.	Tujuan	3
2.	Latar Belakang	3
3.	Insiden Keselamatan ICT	3
4.	Tahap Keutamaan Tindakan ke atas Insiden	4
5.	Penubuhan CERT Agensi	5
6.	Tanggungjawab Ketua Jabatan	6
7.	Tanggungjawab CERT Agensi	7
8.	Tanggungjawab GCERT MAMPU	7
9.	Proses Pelaporan Insiden Keselamatan ICT Sektor Awam	8
10.	Penutup	12

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENGENDALIAN INSIDEN KESELAMATAN ICT

TUJUAN

1. Tujuan garis panduan ini ialah untuk membantu *Computer Emergency Response Team* (CERT) Agensi di dalam mengurus pengendalian insiden keselamatan ICT di agensi masing-masing dan agensi di bawah kawalannya.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2001 Mekanisme Pelaporan Insiden Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang berkuatkuasa pada 4 April 2001 bagi menangani insiden serangan siber. Mekanisme pengurusan insiden keselamatan ICT ini adalah lebih berbentuk terpusat di mana agensi sektor awam yang mengalami insiden mesti melaporkan insiden kepada GCERT MAMPU. Memandangkan serangan siber berpotensi memberi implikasi keselamatan ke atas aset ICT dan maklumat kerajaan, usaha menangani serangan siber ke atas infrastruktur ICT sektor awam perlu ditangani dengan bijak bagi memastikan sistem ICT dapat beroperasi dengan baik tanpa gangguan.

3. Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2006 : Garis Panduan Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan ICT Sektor Awam menggariskan keperluan menguruskan pengendalian insiden keselamatan ICT sektor awam dengan segera dan sistematik supaya kejadian insiden keselamatan ICT di agensi sektor awam dapat dikurangkan, kesannya diminimumkan dan penyebarannya ke agensi lain dibendung.

INSIDEN KESELAMATAN ICT

4. Insiden keselamatan ICT bermaksud musibah (*adverse event*) yang berlaku ke atas aset ICT atau ancaman kemungkinan berlaku kejadian tersebut. Ia mungkin suatu perbuatan yang melanggar dasar keselamatan ICT samada yang ditetapkan secara tersurat atau tersirat. Jenis insiden dapat dikenalpasti seperti berikut:

(a) **Pelanggaran Dasar (*Violation of Policy*)**

Penggunaan aset ICT bagi tujuan kebocoran maklumat dan/atau mencapai maklumat yang melanggar Dasar Keselamatan ICT.

(b) **Penghalangan Penyampaian Perkhidmatan (*Denial of Service*)**

Ancaman ke atas keselamatan sistem komputer di mana perkhidmatan pemprosesan maklumat sengaja dinafikan terhadap pengguna sistem. Ia melibatkan sebarang tindakan yang menghalang sistem daripada berfungsi secara normal.

Termasuk *denial of service* (DoS), *distributed denial of service* (DdoS) dan *sabotage*.

(c) **PencERObohan (*Intrusion*)**

Mengguna dan mengubahsuai ciri-ciri perkakasan, perisian atau mana-mana komponen sesebuah sistem tanpa pengetahuan, arahan atau persetujuan mana-mana pihak. Ia termasuk capaian tanpa kebenaran, pencerobohan laman web, melakukan kerosakan kepada sistem (*system tampering*), pindaan data (*modification of data*), dan pindaan kepada konfigurasi sistem.

(d) **Pemalsuan (*Forgery*)**

Pemalsuan dan penyamaran identiti yang banyak dilakukan dalam penghantaran mesej melalui emel termasuk penyalahgunaan dan pencurian identiti, pencurian maklumat (*information theft / espionage*), penipuan(*hoaxes*).

(e) **Spam**

Spam adalah emel yang dihantar ke akaun emel orang lain yang tidak dikenali penghantar dalam satu masa dan secara berulang-kali (kandungan emel yang sama). Ini menyebabkan kesesakan rangkaian dan akan menjadi perlahan.

(f) **Malicious Code**

Perkakasan atau perisian yang dimasukkan ke dalam sistem tanpa kebenaran bagi tujuan pencerobohan. Ia melibatkan serangan virus, *trojan horse*, *worm*, *spyware* dan sebagainya.

(g) **Harrassment / Threats**

Gangguan dan ancaman melalui pelbagai cara iaitu emel dan surat yang bermotif personal dan atas sebab tertentu.

(h) **Attempts / Hack Threats/ Information Gathering**

Percubaan (samada gagal atau berjaya) untuk mencapai sistem atau data tanpa kebenaran. Termasuk *spoofing*, *phishing*, *probing*, *war driving* dan *scanning*.

(i) **Kehilangan Fizikal (*Physical Loss*)**

Kehilangan capaian dan kegunaan disebabkan kerosakan, kecurian dan kebakaran ke atas aset ICT.

TAHAP KEUTAMAAN TINDAKAN KE ATAS INSIDEN

5. Tindakan ke atas insiden yang berlaku hendaklah dibuat berasaskan kepada keparahan sesuatu insiden. Tahap keutamaan tindakan ke atas insiden akan ditentukan seperti berikut:

- (a) Keutamaan 1 (Merah) – insiden keselamatan ICT yang membawa ancaman nyawa, menggugat keselamatan dan pertahanan negara, menjejaskan ekonomi dan imej negara, yang mungkin memerlukan *Business Resumption Planning* diaktifkan.
- (b) Keutamaan 2 (Kuning) – insiden keselamatan ICT selainnya seperti pencerobohan laman web, gangguan sistem, pencerobohan aset ICT.

PENUBUHAN CERT AGENSI

6. Sebagai langkah memperkukuhkan pengurusan pengendalian insiden ICT, semua agensi kritikal hendaklah menubuhkan CERT Agensi masing-masing. CERT Agensi bertindak sebagai *first level support* kepada GCERT MAMPU dalam mengendalikan insiden keselamatan ICT, mengawasi dan memberi khidmat nasihat berkaitan keselamatan ICT kepada agensi-agensi di bawah kawalannya.

7. Tiga (3) model struktur CERT Agensi adalah dicadangkan seperti berikut:

a) Model 1

Menerusi model ini, satu pasukan pengendali insiden ditubuhkan dan bertanggungjawab mengenai pengurusan insiden di agensi-agensi atau bahagian di bawah kawalannya. Model 1 digunapakai untuk kementerian, pentadbiran di peringkat negeri, institusi pengajian tinggi dan badan-badan berkanun.


b) Model 2

Menerusi model 2, beberapa pasukan pengurus insiden ditubuhkan di peringkat jabatan atau agensi. Pasukan-pasukan ini kemudian diselaraskan di peringkat pusat CERT yang ditubuhkan di peringkat kementerian.

c) Model 3

Model ini terpakai kepada agensi-agensi yang kecil yang tidak mempunyai anggota teknikal yang mencukupi untuk mengendalikan dan mengurus insiden. Bagi agensi-agensi ini, pengurusan insiden keselamatan ICT akan dikendalikan oleh GCERT MAMPU dan mereka boleh terus melaporkan sebarang insiden kepada GCERT MAMPU.

8. Cadangan struktur ketiga-tiga model adalah dicadangkan seperti dalam **Rajah 1 : Struktur Model CERT Agensi.**



Rajah 1 : Struktur Model CERT Agensi

9. Keahlian CERT Agensi yang dicadangkan adalah seperti berikut :

- (a) Pengarah CERT : Ketua Pegawai Maklumat (CIO)/
Pengurus Komputer
- (b) Pengurus CERT : Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO)
- (c) Ahli : Pegawai Sistem Maklumat,
Penolong Pegawai Sistem Maklumat.

10. Keahlian CERT Agensi boleh dilantik dari kalangan anggota sedia ada yang mengendalikan operasi komputer. Bagi agensi-agensi yang mempunyai banyak pusat komputer, keahlian boleh dilantik mewakili pelbagai pusat ICT ini.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

11. Ketua Jabatan hendaklah memainkan peranan penting bagi memastikan agensi-agensi mematuhi arahan mengenai pengurusan insiden di agensi di bawah kawalan masing-masing. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan kementerian, jabatan dan agensi di bawah kawalannya meningkatkan pematuhan ke atas kehendak akta, arahan, peraturan dan prosidur berkaitan keselamatan ICT.

TANGGUNGJAWAB CERT AGENSI

12. Tanggungjawab CERT Agensi meliputi semua bidang tugas pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT yang dialami oleh agensi di bawah kawalannya seperti berikut:

- (a) Menerima dan mengesan aduan keselamatan ICT dan menilai tahap dan jenis insiden;
- (b) Merekod dan menjalankan siasatan awal insiden yang diterima;
- (c) Menangani tindak balas (*response*) insiden keselamatan ICT dan mengambil tindakan baikpulih minima;
- (d) Menghubungi dan melapor insiden yang berlaku kepada GCERT MAMPU samada sebagai input atau untuk tindakan seterusnya;
- (e) Menasihati agensi-agensi di bawah kawalannya mengambil tindakan pemulihan dan pengukuhan; dan
- (f) menyebarkan makluman berkaitan dengan agensi di bawah kawalannya; dan
- (g) Menjalankan penilaian untuk memastikan tahap keselamatan ICT dan mengambil tindakan pemulihan atau pengukuhan bagi meningkatkan tahap keselamatan infrastruktur ICT supaya insiden baru dapat dielakkan.

13. Apabila berlaku insiden, Pengarah CERT Agensi perlu menggerakkan ahli CERT Agensi untuk mengambil tindakan berikut:

- (a) Mengurus dan mengambil tindakan ke atas insiden yang berlaku sehingga keadaan pulih;
- (b) Mengaktifkan Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (BRP) jika perlu; dan
- (c) Menentukan samada insiden ini perlu dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang / keselamatan.

TANGGUNGJAWAB GCERT MAMPU

14. Tanggungjawab GCERT MAMPU dalam pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT sektor awam adalah seperti berikut :


- (a) Menyelaras pengurusan pengendalian insiden di peringkat agensi atau antara agensi serta menasihati agensi mengambil tindakan pemulihan dan pengukuhan;
-

- (b) Mengambil tindakan proaktif atau pencegahan seperti menjalankan imbasan keselamatan ke atas infrastruktur ICT agensi dan menyebarkan maklumat mengenai ancaman baru dari masa ke semasa;
 - (c) Menyediakan khidmat nasihat kepada CERT Agensi berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian insiden keselamatan ICT;
 - (d) Menyelaras program pertukaran dan pengkongsian maklumat antara CERT Agensi, *Malaysian Computer Emergency Response Team* (MyCERT), pembekal, *Internet Service Provider* (ISP) dan agensi-agensi penguatkuasa; dan
15. GCERT MAMPU juga bertanggungjawab kepada agensi-agensi kecil (struktur CERT Model 3) dalam mengurus pengendalian insiden keselamatan ICT seperti berikut :
- (a) Menerima dan mengesan aduan keselamatan ICT dan menilai tahap dan jenis insiden; dan
 - (b) Menangani tindak balas (*response*) insiden keselamatan ICT dan mengemukakan cadangan tindakan baikpulih minima.


PROSES PELAPORAN INSIDEN KESELAMATAN ICT SEKTOR AWAM

16. Proses Pelaporan Insiden Keselamatan ICT Sektor Awam diringkaskan dalam **Rajah 2 – Hubungan Entiti Dalam Proses Kerja Pelaporan Insiden Keselamatan ICT** dan **Rajah 3 – Ringkasan Proses Kerja Pelaporan Insiden Keselamatan ICT** di bawah. Proses pengendalian insiden keselamatan ICT diterangkan secara terperinci dalam Prosedur Operasi Standard Pengendalian Insiden Keselamatan ICT.


Rajah 1 : Hubungan Entiti Dalam Proses Kerja Pengurusan Pelaporan Insiden Keselamatan ICT



Rajah 2 : Ringkasan Proses Kerja Pelaporan Insiden Keselamatan ICT Agensi



Rajah 2 : Ringkasan Proses Kerja Pelaporan Insiden Keselamatan ICT Agensi



PENUTUP

17. Garis panduan ini disediakan untuk membantu *Computer Emergency Response Team* (CERT) Agensi memperkemaskan pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT sektor awam bagi memperkasakan agensi sektor awam menguruskan sendiri pengendalian insiden keselamatan ICT di agensi masing-masing serta meningkatkan kecekapan pengendalian keselamatan ICT di agensi sektor awam.

(Lampiran 2 kepada
Surat Pekeliling Am
Bil. 4 Tahun 2006)



KERAJAAN MALAYSIA

**PROSEDUR OPERASI STANDARD
PENGURUSAN PENGENDALIAN INSIDEN
KESELAMATAN ICT
SEKTOR AWAM**



Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

6 NOVEMBER 2006

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.	OBJEKTIF	3
2.	PROSEDUR OPERASI STANDARD	3
	- Pentadbiran <i>Incident Response Handling</i> (IRH)	4
	- Pengurusan Pengendalian Insiden	5
	- Pengendalian Insiden Secara Jarak Jauh (<i>Remote</i>)	7
	- Pengendalian Insiden Di Lokasi Agensi Terlibat (<i>On site</i>)	12
	- Penyebaran Maklumat	24
	- Penyelarasan Pengurusan Insiden Keselamatan ICT	28
3.	LAMPIRAN	
	- Template Borang IRH 1.0 : Laporan Pengendalian Insiden	29
	- Template Borang IRH 1.1 : Maklumbalas Tindakan Susulan Dari Pengendalian Insiden Keselamatan ICT oleh Agensi	31
	- Panduan Komunikasi Pengendalian Insiden	32
	- Template Laporan Analisis Log	41
	- Singkatan Perkataan	42

PROSEDUR OPERASI STANDARD PENGENDALIAN INSIDEN KESELAMATAN ICT CERT AGENSI

OBJEKTIF

1. Dokumen ini menerangkan prosedur yang digunapakai oleh CERT Agensi bagi mengendalikan insiden keselamatan ICT di agensi masing-masing dan agensi di bawah kawalannya.

PROSEDUR OPERASI STANDARD

2. Secara amnya, tanggungjawab CERT Agensi adalah meliputi semua bidang tugas pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT yang dialaminya dan yang dialami oleh agensi di bawah kawalannya:

(a) **Pentadbiran (*Administration*)**

Bidang pentadbiran merangkumi tugas-tugas merekod aduan, mengemaskini maklumat insiden dan menyelenggara fail data insiden untuk membantu kelancaran operasi CERT Agensi.

(b) **Pengendalian Insiden (*Incident Response Handling – IRH*)**

Tugas-tugas pengendalian insiden dijalankan apabila aduan di terima dari agensi di bawah kawalan sehingga kes insiden selesai dikendalikan. Bidang tugas ini meliputi proses-proses penerimaan laporan insiden, penyiasatan kes, penyediaan laporan selepas pengendalian serta khidmat nasihat kepada agensi terlibat.

(c) **Penyebaran Maklumat**

Setiap CERT Agensi mestilah menyebarkan maklumat berkaitan insiden keselamatan ICT dari semasa ke semasa kepada agensi-agensi di bawah kawalannya dan GCERT MAMPU bagi berkongsi maklumat untuk meningkatkan tahap keselamatan ICT agensi dan membendung insiden keselamatan ICT sektor awam. Penyebaran maklumat ini dilaksanakan secara reaktif dan proaktif. Penyebaran maklumat dilakukan secara reaktif bagi insiden yang telah berlaku dan secara proaktif mengenai *vulnerabilities* dan ancaman yang bakal melanda agensi supaya tindakan pengukuhan dilakukan untuk mengelakkan kejadian insiden ke atas agensi di bawah kawalannya.

(d) **Penyelarasan Pengurusan Pengendalian Insiden**

CERT Agensi berperanan menyelaraskan mesyuarat pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT di antara

agensi-agensi di bawah kawalannya dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam pengendalian insiden keselamatan ICT. Agenda utama mesyuarat adalah untuk berkongsi maklumat bagi meningkatkan tahap keselamatan ICT dan membendung kejadian insiden keselamatan ICT di antara agensi-agensi di bawah kawalannya dan sektor awam amnya.

3. Pentadbiran *Incident Response Handling* (IRH)

- (a) Terima dan rekod insiden dari agensi di bawah kawalan
- (b) Tadbir dan selenggara fail-fail/pangkalan data insiden
- (c) Kemaskini maklumat insiden selepas siasatan

Proses 1 - Terima Dan Rekod Insiden Dari Agensi Di Bawah Kawalan

Tugas 1.1 - Mencatat maklumat awal insiden

Keterangan Aktiviti	Mekanisme /Rujukan	Tindakan
1. Setiap aduan yang diterima perlu dicatatkan dalam borang, buku log/fail atau pangkalan data berkaitan.	- Buku / fail / sistem Log - Borang IRH 1.0 – Laporan Pengendalian Insiden	Pegawai CERT Agensi

Proses 2 - Tadbir Dan Selenggara Fail-Fail/Pangkalan Data Insiden

Tugas 2.1 - Mentadbir dan menyelenggara fail-fail insiden

Keterangan Aktiviti	Mekanisme /Rujukan	Tindakan
1. Sekiranya catatan dibuat ke dalam borang, failkan borang berkenaan dan kemaskini rekod statistik insiden.	- Borang IRH 1.0 – Laporan Pengendalian Insiden - Statistik insiden - Surat - E-mail - Faks - Fail Sulit	Pegawai CERT Agensi
2. Simpan maklumat/ dokumen yang berkaitan ke dalam server dengan mengambil kira perkara-perkara berikut: a) <i>Encrypt</i> maklumat /dokumen insiden; dan	Fail Server CERT Agensi	Pegawai CERT Agensi

Keterangan Aktiviti	Mekanisme /Rujukan	Tindakan
b) Dokumen disimpan mengikut nama direktori agensi masing-masing (CERT Fail Server/ nama_agensi/no_ insiden-nama_pegawai)		

Proses 3 - Kemaskini Maklumat Insiden Selepas Siasatan

Tugas 3.1 - Mengemaskini maklumat insiden selepas siasatan

Keterangan Aktiviti	Mekanisme /Rujukan	Tindakan
1. Kemaskini maklumat insiden yang diperolehi semasa siasatan ke dalam fail-fail / pangkalan data insiden.	Fail Server/Media CERT Agensi	Pegawai CERT Agensi

4. Pengurusan Pengendalian Insiden

- Jalankan kajian atau siasatan awal ke atas insiden
- Tentukan jenis dan tahap keutamaan tindakan ke atas insiden
- Agihkan tugas dan kaedah pengendalian insiden
- Beri khidmat bantuan dari segi teknikal kaedah menangani insiden secara jarak jauh (*remote*) atau di lokasi (*onsite*)
- Sediakan laporan lengkap

Proses 4 - Jalankan Kajian Atau Siasatan Awal Insiden

Tugas 4.1 - Menjalankan kajian atau siasatan awal ke atas insiden

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Dapatkan maklumat tambahan mengenai insiden dengan berpandukan soalan-soalan dan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pegawai yang dihubungi di agensi.	Panduan Komunikasi Pengendalian Insiden Secara Jarak Jauh	2 hari	Pegawai CERT Agensi

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
2. Menyemak laman web yang menyenaraikan insiden pencerobohan ke atas laman web kerajaan Malaysia.	Rujuk laman web: http://www.zone-h.org	Dalam tempoh yang sama seperti di atas	- Pengurus CERT Agensi - Pegawai CERT Agensi

Proses 5 - Tentukan Jenis Dan Tahap Keutamaan Tindakan ke atas Insiden

Tugas 5.1 - Menentukan jenis insiden dan tahap keutamaan tindakan ke atas insiden

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Berdasarkan kajian dan siasatan awal ke atas insiden, tentukan jenis kes dan kesan kerosakan ke atas agensi di bawah kawalan.	Panduan Komunikasi Pengendalian Insiden Secara Jarak Jauh	2 hari	Pegawai CERT Agensi
2. Berikan nasihat awal dan dapatkan fail log terlibat.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi
3. Maklum dan berbincang dengan Pengurus CERT Agensi untuk agihan tugas pengendalian dan penentuan tahap severity insiden.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	- Pengurus CERT Agensi - Pegawai CERT Agensi
4. Maklumkan insiden kepada GCERT MAMPU.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	- Pengurus CERT Agensi - Pegawai CERT Agensi

Proses 6 - Agihkan Tugas Dan Kaedah Pengendalian Insiden

Tugas 6.1 - Mengagihkan tugas pengendalian insiden

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Semak status pengendalian insiden semasa.	Fail atau pangkalan data pengurusan pengendalian insiden	2 hari	Pengurus CERT Agensi
2. Agihkan tugas dan kaedah pengendalian insiden kepada pegawai CERT Agensi.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	- Pengurus CERT Agensi - Pegawai CERT Agensi

5. Pengendalian Insiden Secara Jarak Jauh (*Remote*)

- Jalankan siasatan lanjut secara jarak jauh (*remote*)
- Sediakan laporan analisis fail-fail log
- Pengesahan terhadap laporan analisis fail log
- Kemukakan laporan analisis fail-fail log kepada agensi
- Pelaksanaan imbasan Hos
- Tindakan Pemulihan
- Penutupan kes insiden
- Kemaskini maklumat dan status insiden

Proses 7 - Jalankan Siasatan Lanjut Secara Jarak Jauh (*Remote*)

Tugas 7.1 - Susul dengan pegawai yang dihubungi di agensi terlibat

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Hubungi pegawai berkaitan di agensi terlibat.	Borang IRH 1.0 - Laporan Pengendalian Insiden	2 hari	Pegawai CERT Agensi
2. Dapatkan fail-fail log berkaitan dan beri tunjuk ajar kepada pegawai di agensi	Borang IRH 1.0 - Laporan Pengendalian Insiden	Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
langkah-langkah untuk mendapatkan fail log berkenaan.			
3. Analisis fail-fail log yang diterima.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi

Proses 8 - Sediakan Laporan Analisis Fail-Fail Log

Tugas 8.1 - Menyediakan laporan analisis fail-fail log

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Berdasarkan fail-fail log yang diterima dan analisis ke atas fail-fail log tersebut, sediakan laporan analisis log beserta nasihat serta cadangan tindakan pengukuhan. (Dapatkan bantuan GCERT sekiranya perlu)	- Fail-fail log diperolehi dari agensi - Template laporan analisis log	2 hari	Pegawai CERT Agensi

Proses 9 - Pengesahan Terhadap Laporan Analisis Fail Log

Tugas 9.1 - Semak dan beri maklumbalas terhadap laporan analisis fail log

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Laporan analisis berserta nasihat cadangan tindakan pengukuhan disemak dan pengesahan atau maklumbalas diberikan.	- Fail-Fail Log Diperolehi Dari Agensi - Laporan Analisis Fail Log	2 hari	Pengurus CERT Agensi

Proses 10 - Kemukakan Laporan Analisis Fail-Fail Log Kepada Agensi

Tugas 10.1 - Mengemukakan laporan analisis fail-fail log kepada agensi terlibat

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Laporan analisis berserta nasihat cadangan tindakan pengukuhan disemak dan makluman mengenai pelaksanaan imbasan hos selepas lima hari dari tarikh penerimaan laporan.	- Laporan Analisis Fail Log - Cadangan Tindakan Pengukuhan - Makluman Mengenai Pelaksanaan Imbasan Hos	2 hari	Pegawai CERT Agensi

Proses 11 - Pelaksanaan Imbasan Hos

Tugas 11.1 - Melaksanakan imbasan hos dan menyediakan laporan analisis imbasan hos

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Laksanakan imbasan hos ke atas server agensi terlibat.		2 hari	Pegawai CERT Agensi
2. Jalankan analisis ke atas laporan imbasan hos ke atas server agensi terlibat.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi
3. Sediakan laporan analisis imbasan hos dan kemukakan untuk semakan dan pengesahan.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi

Tugas 11.2 - Menyemak dan mengesahkan laporan analisis imbasan hos

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Semak dan sahkan atau beri malumbalas mengenai laporan analisis imbasan hos.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pengurus CERT Agensi
2. Sediakan laporan analisis imbasan hos dan kemukakan untuk semakan dan pengesahan.			Pegawai CERT Agensi

Tugas 11.3 - Kemukakan laporan analisa imbasan hos kepada agensi terlibat

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Kemukakan laporan analisis imbasan hos kepada agensi dan minta agensi kembalikan borang IRH 1.1 selepas 5 hari laporan diterima oleh agensi.		2 hari	Pegawai CERT Agensi

Proses 12 - Tindakan pemulihan

Tugas 12.1 - Tindakan pemulihan oleh agensi pelapor

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Laksanakan tindakan pemulihan berdasarkan laporan analisis imbasan hos.		5 hari	Agensi Pelapor

Tugas 12.2 - Tindakan pemantauan pemulihan ke atas agensi pelapor

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Memantau pelaksanaan tindakan pemulihan oleh agensi pelapor berdasarkan laporan analisis imbasan hos.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi

Proses 13 - Penutupan Kes Insiden**Tugas 13.1 - Penutupan Kes Insiden**

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Pantau penerimaan borang IRH 1.1		2 hari	Pegawai CERT Agensi
2. Sekiranya maklumbalas diterima dari IRH 1.1 menyatakan bahawa tindakan pengukuhan telah dilaksanakan, pohon kebenaran menutup kes insiden.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi
3. Beri kebenaran kes untuk ditutup, sekiranya Pengurus CERT Agensi berpuashati dengan maklumbalas diterima.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pengurus CERT Agensi
4. Maklumkan kepada GCERT mengenai penutupan kes.		Dalam tempoh yang sama seperti di atas	- Pegawai CERT Agensi - Pengurus CERT Agensi

Proses 14 - Kemaskini Maklumat Dan Status Insiden

Tugas 14.1 - Mengemaskini Maklumat Dan Status Insiden

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Kemaskini maklumat dan status pengendalian insiden ke dalam fail atau pangkalan data insiden.	• Fail / Pangkalan Data Insiden • Statistik Insiden	• Dalam tempoh yang sama seperti di atas	• Pegawai CERT Agensi

6. Pengendalian Insiden Di Lokasi (On site)

- Jalankan siasatan lanjut di lokasi (*on-site*)
- Mesyuarat pengurusan IRH di agensi
- Siasatan terperinci *Incident Response Handling (IRH)*
- Penyediaan laporan awal pentadbiran CERT Agensi
- Penyediaan laporan insiden
- Cetakan laporan akhir insiden
- Kemukakan laporan akhir yang disahkan kepada agensi
- Penutupan kes

Proses 15 - Jalankan Siasatan Lanjut Di Lokasi (*On-Site*)

Tugas 15.1 - Hubungi agensi untuk dapatkan maklumat lanjut dan membuat temu janji dengan agensi

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Pegawai CERT Agensi menghubungi agensi terlibat untuk mendapatkan: a) maklumat lanjut b) memberi nasihat awal		• 2 hari (* Tempoh pengendalian bergantung sama ada agensi berjaya/gagal dihubungi)	• Pegawai CERT Agensi

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
2. Mendapatkan persetujuan daripada agensi pelapor (ICTSO/ Pengurus Komputer) bagi CERT Agensi menjalankan siasatan lanjut di lokasi dan membuat temu janji bagi mengadakan mesyuarat IRH. Maklumat yang diperlukan adalah tarikh, masa dan tempat temu janji.	Borang IRH 1.0 - Laporan Pengendalian Insiden	Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi
3. Pegawai CERT Agensi memaklumkan kepada Pengurus CERT Agensi sekiranya agensi tidak bersetuju untuk mengadakan mesyuarat pengurusan IRH bagi menjalankan siasatan lanjut di lokasi (<i>On-site</i>) secara lisan atau e-mel.	Borang IRH 1.0 - Laporan Pengendalian Insiden	Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi
4. Pengurus CERT Agensi memaklumkan kepada Pengarah CERT Agensi secara lisan atau e-mel bahawa CERT Agensi akan menjalankan siasatan lanjut di lokasi (<i>on-site</i>).	Borang IRH 1.0 - Laporan Pengendalian Insiden	Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pengurus CERT Agensi
5. Mendapatkan kebenaran untuk keluar stesen jika perlu.	Borang Keluar Stesen	Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi

Tugas 15.2 - Sediakan kelengkapan pengendalian insiden

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
1. Pegawai CERT Agensi menyediakan kelengkapan seperti berikut: a) <i>Notebook</i> ; b) Borang yang berkaitan; c) <i>Disket/Thumb Drive</i> ; d) <i>Hard disk</i> ; dan e) Perisian dan peralatan forensik.	Borang IRH 1.0 - Laporan Pengendalian Insiden	Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pegawai CERT Agensi
2. Pengurus CERT Agensi memastikan semua kelengkapan pengendalian insiden adalah mencukupi.	-	Dalam tempoh yang sama seperti di atas	Pengurus CERT Agensi

Proses 16 - Mesyuarat Pengurusan IRH Di Agensi

Tugas 16.1 - Jalankan mesyuarat pengurusan IRH dengan agensi

Keterangan Aktiviti	Mekanisme / Rujukan	Tempoh Pengendalian	Tindakan
